

# Pas putar belit isu nama parti

KUALA LUMPUR, Selasa – Kebimbangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa Pas akan mempolitikkan isu pengguguran nama Islam pada nama parti menjadi kenyataan apabila mereka mengadakan ceramah khas di seluruh negara menuduh Umno ingin membuang Islam.

Dalam siri ceramah yang diberi tajuk “Buang Islam-Pas jawab Umno”, Pas mengembar-gemburkan isu berkenaan, termasuk menuduh Umno berhasrat untuk menggugurkan nama Islam demi kepentingan politik mereka.

Pemimpin parti itu juga me-

nuduh Umno bukan Islam dan tindakan itu dikatakan boleh menyebabkan berlaku permusuhan di kalangan orang Melayu dan menimbulkan semula isu kafir-mengkafir yang berlaku sebelum ini.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno menimbulkan isu mengenai pengguguran perkataan Islam itu ketika berucap di Perhimpunan Agung Umno, baru-baru ini.

Menurut Perdana Menteri, kenyataannya mengenai isu itu bertujuan menenangkan perasaan beberapa pihak dalam Umno, khususnya Pemuda Umno yang sebelum ini mendesak kerajaan melarang

penggunaan perkataan Islam pada nama parti Pas.

Bagaimanapun, dalam sidang akhbar di akhir perhimpunan itu, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak dapat menghakimi tindakan Pas menyalahgunakan perkataan Islam kerana Pas akan menjadikannya isu politik yang besar.

Menurutnya, mereka akan menuduh Umno mengharamkan Islam dan bukan mengharamkan perkataan ‘Islam’ dalam nama parti Pas.

Sejak kebelakangan ini, beberapa pemimpin Pas dila-

**LIHAT MUKA 2**

# Pas putar belit isu nama parti

DARI MUKA 1

porkan mengunjungi kawasan perkampungan, terutama di Kelantan untuk berceramah menjawab persoalan mengenai cadangan itu.

Berikutan itu, ia sedikit sebanyak menimbulkan kekeliruan di kalangan rakyat, terutama penduduk luar bandar.

Pelbagai pihak kesal dengan sikap Pas yang memutarbelitkan isu pengguguran perkataan 'Islam' daripada parti itu dengan menuduh Umno ingin membuang Islam.

Mereka berpendapat, tindakan Pas menggambar-gemburkan isu berkenaan, termasuk dalam jawapan mereka melalui siri ceramah yang diadakan di seluruh negara, boleh dianggap sebagai usaha menimbulkan kekeliruan rakyat.

Menurut mereka, dengan bertindak mengadakan siri ceramah itu membuktikan Pas sanggup berbohong dan melamparkan fitnah terhadap Umno untuk kepentingan politik.

Menteri Perusahaan Awam, Datuk Dr Yusof Nor, berkata Pas mesti menerima hakikat banyak kesan buruk daripada penggunaan perkataan Islam pada nama parti itu, termasuk perpecahan dan berpuak-puak.

Berikutan itu, katanya, Pas seharusnya pulang ke pangkal jalan dengan menggugurkan perkataan Islam daripada nama parti itu kerana majoriti masyarakat Islam kini tidak menerima adu domba Pas.

Beliau yang juga Pengerusi Biro Agama Umno berkata, Pas juga harus bersikap lebih realistik kerana di peringkat antarabangsa, banyak pertubuhan dan parti politik yang tidak menggunakan nama Islam, masih mampu berjuang untuk kepentingan umat Islam.

"Walaupun Umno tidak menggunakan perkataan Islam, ia mampu menegakkan Islam menerusi perjuangannya, tetapi pada masa sama Pas menjadi punca perpecahan umat Islam, walaupun parti itu menggunakan perkataan Islam," katanya.

Dr Yusof berkata, Pas sebenarnya hendak menggunakan perkataan Islam semata-mata untuk menjadi alat memainkan sentimen dan menimbulkan pertikaian walaupun pada asalnya mereka mahu menggunakan perkataan itu untuk kebaikan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, berkata Pas menang di Kelantan

bukan kerana dasar perjuangannya yang benar-benar menegakkan syiar Islam, sebaliknya berpunca kejayaannya menggelirukan rakyat menggunakan nama Islam.

"Adalah tidak wajar dan melulu apabila ahli Pas mendakwa hanya mereka penganut Islam, sedangkan orang lain dituduh terkeluar daripada Islam kerana tidak menyertai parti itu," katanya.

Beliau berkata, pergeseran sesama umat Islam masih berlaku secara meluas di beberapa daerah di Kedah, terutama di kawasan Parlimennya di Sik dan Baling.

Dalam kes terbaru, katanya, pengikut Pas enggan menjamah makanan yang dihidangkan dalam majlis kenduri, kecuali penyembelihan dilakukan oleh penyokong parti itu.

Selain itu, pengikut Pas tidak mahu menggunakan ruang sembahyang di bahagian tambahan masjid yang diubah suai oleh kerajaan sebaliknya bersembahyang di ruang masjid lama sehingga berlaku kesesakan.

Penolong Ketua Pengerangan Umno, Nakhai Ahmad, berkata dakwaan Pas kononnya kerajaan Umno mahu membuang Islam tidak benar ke-

rana nama Universiti Islam Antarabangsa dan Bank Islam masih digunakan, manakala Islam masih dikekalkan sebagai agama rasmi negara.

"Hakikatnya, kerajaan dan Umno mahu perkataan Islam diletakkan pada tempat yang sesuai dan tidak digunakan dengan sewenang-wenang," katanya.

Bekas Naib Yang Dipertua Pas itu juga berkata, penyelewengan akidah di kalangan pengikut Pas kini agak ketara apabila mereka menuduh orang yang tidak menyertai Pas sebagai kafir.

Katanya, ahli bawahan Pas mendakwa hanya orang yang menyertai Pas dianggap sebagai benar-benar Islam, manakala orang lain dianggap menyokong kafir.

"Maknanya, dia (Pas) sudah mengkafirkan orang. Ini adalah salah dari segi agama dan menampakkan satu gambaran berlaku penyelewengan," katanya.

Nakhai berkata, Pas sekarang bersikap semakin melampau sehingga boleh dianggap sebagai sebuah parti politik yang radikal menyebabkan kerajaan terpaksa bertindak mengikut keperluan.

Pengerusi Jawatankuasa Hal-Ehwal Agama Johor, Datuk Ahmad Ab-

dullah, berkata pemimpin parti itu tidak perlu bersusah payah menggambar-gemburkan isu berkenaan kerana rakyat kini sudah matang membuat pertimbangan.

Seorang ulama terkenal di Kedah, Datuk Pa-

duka Sheikh Abdul Majid Mohd Noor, berkata penggunaan perkataan Islam oleh parti politik tidak menjadi masalah asalkan perjuangan politik mereka benar-benar berlandaskan agama.